

03/09/2002

SPR disaran jalankan siasatan segera

KUALA LUMPUR, Isnin - Pas dipercayai memindahkan nama pengundi beberapa hari sebelum penamaan calon pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit, Kedah, Julai lalu, dalam usaha mendapatkan kemenangan di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib meminta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan siasatan segera dan menyeluruh berhubung mekanisme pendaftaran pemilih bagi mengelak kejadian itu berulang pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau yang juga Penyelaras Jawatankuasa Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil itu, berkata:

"Ketika di sana, saya sendiri terkejut apabila diberitahu senarai pemilih yang ada di tangan kami tidak lagi sah kerana ada senarai baru pengundi dikeluarkan SPR, dua tiga hari sebelum hari penamaan calon.

"Jentera kempen kami yang mengadakan kempen dari rumah ke rumah, mendapati nama dalam senarai baru itu tidak pernah bermastautin, apatah lagi tinggal di alamat yang tertera dalam senarai baru SPR.

"Kami mendapat maklumat, wujudnya konspirasi pada saat akhir oleh pihak tertentu yang memasukkan senarai nama baru dan memindahkan nama pengundi asal ke tempat lain," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan bahawa Pas menggunakan pengundi hantu untuk mendapat kemenangan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang, 18 Julai lalu.

Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, 30 Ogos lalu, meminta SPR menjelaskan mengenai wujudnya dua senarai berlainan dalam daftar pemilih yang sama di Pendang dan Anak Bukit.

Dalam kenyataannya, Perdana Menteri berkata, semakan di empat peti undi pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi hantu, iaitu yang bukan dilahir dan bekerja di kawasan berkenaan.

Selain itu, Umno juga tidak berpuas hati kerana terdapat 1,359 nama pengundi dikeluarkan daripada senarai sah pemilih menjelang pilihan raya kecil itu dan meminta SPR menyemak semula senarai daftar pemilih di seluruh negara kerana terdapat nama pengundi dari Sabah dan Sarawak dipindahkan ke sini, termasuk di Anak Bukit.

Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar yang mengulas dakwaan itu tidak menolak kemungkinan berlaku kecurangan segelintir penolong pegawai pendaftar sambilan yang memindahkan nama pemilih tanpa pengetahuan suruhanjaya itu.

Muhammad pula tidak menolak kemungkinan Pas kini turut menggunakan khidmat kakitangan SPR untuk memindahkan nama pengundi.

Ditanya sama ada Umno sudah memikirkan cara penyelesaian bagi menangani masalah itu, beliau berkata Umno masih mengkaji perkara itu dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan tertinggi parti, sebelum ini.

Di KAJANG, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tan Sri Bernard Dompok berkata, SPR perlu memberi perhatian serius terhadap semua teguran yang dibuat orang ramai serta ahli politik bagi memastikan kewibawaan suruhanjaya itu sebagai sebuah badan yang bebas tidak diragui.

"Jika kita baca akhbar pada masa ini, banyak teguran dibuat pelbagai pihak yang tidak puas hati dengan SPR.

"Oleh itu, SPR perlu mengambil perhatian terhadap semua (teguran dan

aduan) yang dibuat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Antarabangsa Mengenai Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Untuk Penyelia di Institut Latihan dan Pembangunan Infrastruktur Ikram (ITiDi).

Dompok berkata, kerajaan tidak dapat mengambil tindakan berhubung semua dakwaan itu kerana SPR adalah sebuah badan bebas.

"Kerajaan hanya dapat menegur mereka (SPR) bila tiba masanya (dalam pilihan raya kecil atau umum)," katanya.